DASAR KOKURIKULUM
JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

DASAR KOKURIKULUM
JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

1. PENGENALAN

Dasar Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu merupakan panduan khusus ke arah pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang bersistematik serta bermatlamat di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah-sekolah di negeri Terengganu

2. OBJEKTIF

2.1. Sebagai rujukan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan pihak sekolah bagi menguruskan dan melaksanakan aktiviti kokurikulum di peringkat masing-masing.

2.2 Melancarkan pengurusan dan proses pelaksanaan aktiviti kokurikulum di peringkat Negeri, Daerah dan di sekolah.

3. TAKRIF / DEFINISI KOKURIKULUM

3.1 ***Warta Kerajaan bertarikh , 28 hb Disember 1967, No. 5652 (Peraturan Kursus Pengajian) Sekolah 1956***, mendefinisikan kokurikulum sebagai kegiatan kumpulan, manakala ***Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997 , Jil 41, No.26, Tambahan No.94, Perundangan A.P.U (A) 531, Akta Pendidikan 1996***, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) mendefinisikan kokurikulum seperti yang berikut:

3.2 "kegiatan kokurikulum" ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah."

4. MATLAMAT KEGIATAN KOKURIKULUM

4.1 Merealisasikan matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar yang berkembang seimbang dari aspek JERI.

4.2 Menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk mengembangkan bakat, minat dan potensi diri sendiri murid dalam semua bidang yang diceburi.

4.3 Mengembangkan dan mengukuhkan kefahaman pelajar tentang ilmu pengetahuan, pengalaman,nilai dan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik darjah

4.4 Memperoleh pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baru yang tidak mungkin diperoleh di bilik darjah.

4.5 Menyemarakkan, menghayati dan mengamalkan budaya cemerlang seperti budaya membaca, budaya ilmu, budaya mengasihi ibu bapa dan warga tua, budaya berfikir, budaya berterima kasih, bersyukur dan sebagainya

4.6 Menyuburkan nilai-nilai murni seperti semangat perpaduan, penyayang, positif, berbudi bahasa, menerima kelainan budaya dalam kalangan pelajar berlainan kaum dan agama untuk mencapat matlamat perpaduan dalam masyarakat majmuk di negara ini.

5. DASAR UTAMA PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM NEGERI TERENGGANU

5.1 Kegiatan Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Oleh itu pelaksanaan kegiatan kokurikulum adalah **WAJIB [Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)]**

5.2 Penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum sekolah adalah **WAJIB (Perkara 5.1 SPI Bil. 1/1985, dan Memorandum Pemantapan Aktiviti Kokurikulum di KPM, 23 Nov. 2005)**

5.2.1 Semua murid wajib mengambil bahagian sekurang-kurangnya salah satu gerakerja Pasukan Badan Beruniform, satu kegiatan Persatuan dan Kelab serta satu kegiatan Sukan atau Permainan.

5.3 Penyertaan semua guru sebagai penjawat awam dalam mengurus, menyelia dan mengelola kegiatan kokurikulum adalah ***WAJIB.*** **(Perkara 5.2 dalam SPI Bil.1/1985)**

5.3.1 Keengganan guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukan adalah suatu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut ***Perintah-perintah Am Pegawai Awam {Kelakuan dan Tatatertib (Bab D) }***

5.3.2 Guru-guru yang memimpin dan mengendalikan pasukan Badan Beruniform dan persatuan di sekolah hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menerima latihan kepimpinan dan pengendalian dalam pergerakan tersebut.
(Perkara 51 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran bertarikh 7 November 1979)

5.3.3 Bagi guru-guru yang telah banyak berjasa dalam meningkatkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

(Perkara 50 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran bertarikh 7 November 1979)

5.4 Kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) dalam bilik darjah yang memberi murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah.

5.4.1 Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan maksud mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan dan kurikulum kegiatan serta skema penilaian yang pragmatis dan progresif.

5.4.2 Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baru serta nilai-nilai murni yang membantu membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani murid secara seimbang.

5.5 Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip ***penyertaan beramai-ramai*** tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan tetapi memfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi di kalangan murid-murid. Kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah hendaklah ***bersifat merentas disiplin, bersepadu dan tidak bersifat eksklusif. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar.***
(SPI Bil. 17/2000 bertarikh 16 Nov. 2000)

6 PENGURUSAN KOKURIKULUM

Organisasi merancang, melaksana dan menyelia pelaksanaan kokurikulum melibatkan agensi pusat, negeri, daerah dan sekolah. Unit-unit yang mengendalikan urusan ini di negeri Terengganu ialah:

6.1 Peringkat Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

6.1.1 Pengarah Pelajaran negeri ialah Pendaftar Persatuan sekolah peringkat negeri

6.1.2 Pengarah Pelajaran Negeri juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Induk Kokurikulum Negeri (Seperti edaran)

6.1.3 Jawatankuasa Kokurikulum Peringkat Negeri

6.1.3.1 Jawatankuasa Induk Kokurikulum negeri
6.1.3.2 Jawatankuasa Pemuafakatan Kokurikulum Negeri
6.1.3.3 Penyelaras aktiviti kokurikulum peringkat negeri

6.2 Peringkat Pejabat Pelajaran Daerah

6.2.1 Pegawai Pelajaran Daerah ialah Pengerusi Jawatankuasa Induk Kokurikulum Daerah.

6.2.2 Jawatankuasa Kokurikulum Peringkat Daerah

6.2.2.1 Jawatankuasa Induk Kokurikulum Daerah
6.2.2.2 Jawatankuasa Pemuafakatan Kokurikulum Daerah

6.3 Peringkat Sekolah

6.3.1 Pengetua/Guru Besar ialah Penolong Pendaftar Persatuan peringkat sekolah

6.3.2 Pengetua/Guru Besar ialah Pengerusi Jawatankuasa Induk Kokurikulum Sekolah. Jawatankuasa Kokurikulum peringkat sekolah:

6.3.2.1 Jawatankuasa Induk Kokurikulum Sekolah

6.3.2.2 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS) ***(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil1/1985)***

6.3.2.3 Jawatankuasa Pemantauan Kokurikulum Sekolah

6.3.2.4 Jawatankuasa Penilaian Kokurikulum (10%) – Mulai 2013 akan ditukar kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

6.3.3. KUASA PENGETUA DAN GURU BESAR

6.3.3.1 Pengetua/Guru Besar sebagai Penolong Pendaftar, ***telah diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan kelab/persatuan sekolah seperti dalam Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU (A) 196/98.***

6.3.3.2 Tujuannya untuk mewujudkan peluang yang seluas-luasnya kepada murid menyertai kegiatan kokurikulum yang diminati oleh mereka.

6.3.3.3 Pengetua hendaklah melantik setiap orang guru di sekolah , secara bertulis, dan diberi tugas dan tanggungjawab yang spesifik, terperinci dan kuantitatif dalam bidang kokurikulum di sekolah, seperti yang dilakukan dalam bidang kurikulum.

7 JENIS-JENIS AKTIVITI KOKURIKULUM

7.1 Berdasarkan ***Warta Kerajaan bertarikh 21 Mei 1998, Jilid 42.No 11 Tambahan No.41 Perundangan P.U (A) 196***, pihak sekolah boleh menubuhkan **persatuan** sekolah daripada kategori yang berikut:

7.1.1 Mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997;
7.1.2 Hobi dan Rekreasi;
7.1.3 Sukan dan Permainan;
7.1.4 Pasukan Badan Beruniform; atau
7.1.5 Apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh pendaftar.

8 TAHAP UMUR DAN PERUNTUKAN MASA

8.1 TAHAP UMUR

8.1.1 Bagi Murid Sekolah Rendah, Murid Tahun 4 Hingga 6 wajib menyertai kegiatan kokurikulum. (Bagi Murid Tahun 3, pihak sekolah diminta melaksanakan pengenalan aktiviti kokurikulum - Pengenalan aktiviti berkhemah, mengenali jenis sukan dan permainan, dan lain-lain – selama 1 jam seminggu)

8.1.2 Bagi murid sekolah menengah, murid kelas peralihan hingga pelajar Tingkatan 6 wajib menyertai gerak kerja dan kegiatan kokurikulum.

8.1.3 Pengurusan Kokurikulum Sekolah berada di bawah PENYELARASAN Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Sehubungan dengan itu, aktiviti kokurikulum pelajar Tingkatan 6, tertakluk di bawah pengurusan Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Walau bagaimanapun pihak sekolah boleh melihat keperluan melaksanakaan aktiviti kokurikulum Tingkatan 6 berdasarkan keperluan semasa di sekolah. (Contoh: Pelajar Tingkatan 6 boleh digunakan sebagai Penolong Jurulatih PBB)

8.2 JUMLAH MASA PELAKSANAAN.

8.2.1 Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember 1967, Jilid 11, Bil. 27, No. 5652 dan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2007 bertarikh 15 Januari 2007** telah membuat ketetapan pembahagian masa untuk kokurikulum seperti yang berikut:

8.2.1.1 ***Sekolah Menengah***

Tingkatan	Aliran	Peruntukan Masa
Peralihan , 1 – 3		180 minit
4 & 5	Sastera	180 minit
	Sains	140 minit
	Teknik	100 minit
	Pertanian	140 minit
	Perdagangan	180 minit
	SRT	180 minit
6		180 minit

8.2.1.2 ***Sekolah Rendah***

Tahun	Peruntukan Masa
3 dan 4	60 minit
5 dan 6	120 minit

(Nota: *Peruntukan masa minimum seminggu*)

8.2.2 **Bilangan perjumpaan minimum setahun seperti yang berikut:**

8.2.2.1 Pasukan Badan Beruniform - 18 kali

8.2.2.2 Persatuan dan Kelab - 12 kali

8.2.2.3 Sukan dan Permainan - 12 kali

9. REKOD KEHADIRAN MURID

9.1 Pihak sekolah hendaklah merekodkan kehadiran, penyertaan atau penglibatan dan pencapaian murid dan hendaklah diberi penilaian dalam kegiatan kokurikulum sepanjang tempoh persekolahannya.

9.2 Pengetua atau Guru Besar hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan rekod penglibatan murid dalam kegiatan Kokurikulum, dengan selamat dan hendaklah sedia ada bagi pemeriksaan oleh Pendaftar.

(Hal ini ditegaskan dalam Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU (A) 196/98. dan Perkara 8.2.1 SPI Bil.1/1985 dan Perkara 2.1 SPI Bil 2/1986)

9.3 Ketidakhadiran murid dalam kegiatan kokurikulum yang murid itu telah mendaftarkan diri untuk menyertainya merupakan suatu kesalahan yang menyebabkan murid tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah seperti tindakan ke atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas.
(Hal ini hendaklah dimaktubkan dalam Buku Undang-Undang dan Peraturan Sekolah dan perlu diketahui oleh murid-murid dan ibu bapa mereka).

10. HARI DAN MASA PELAKSANAAN

10.1 Semua sekolah hendaklah mengatur jadual pelaksanaan aktiviti kokurikulum dalam seminggu. Sekurang-kurangnya satu kali seminggu sekolah hendaklah mengadakan hari untuk aktiviti kokurikulum.

10.2 Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu telah menetapkan semua sekolah di Terengganu mengadakan perjumpaan untuk gerak kerja dan kegiatan rasmi kokurikulum ialah pada hari **SELASA.** Walau bagaimanapun jika aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan pada hari tersebut dan dengan persetujuan bersama pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, aktiviti kokurikulum boleh dilaksanakan pada cuti hujung minggu atau pada hari lain.

10.3 Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu juga telah menetapkan gerak kerja dan kegiatan kokurikulum hendaklah dilaksanakan selepas waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P & P).

11. TINDAKAN KEPADA GURU DAN MURID

11.1 Guru

11.1.1 Sebagai seorang kakitangan awam, selepas dilantik oleh Pengetua atau Guru Besar, semua guru hendaklah melaksanakan tugas sebagai Guru Penasihat.

11.1.2 Keengganan guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukan adalah suatu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut ***Perintah-perintah Am Pegawai Awam, {Kelakuan dan Tatatertib (Bab D) }.***

11.2 Murid

11.2.1 Penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum sekolah adalah **WAJIB.**

11.2.2 Ketidakhadiran murid, tanpa sebab yang munasabah, dalam kegiatan kokurikulum yang murid itu telah mendaftarkan diri untuk menyertainya adalah suatu kesalahan. Murid ini mesti diambil tindakan disiplin sama seperti tindakan atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas.

12. PERHIMPUNAN BULANAN KOKURIKULUM SEKOLAH

12.1 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Sekolah ditetapkan pada hari SELASA, minggu ketiga setiap bulan.

12.2 Ketetapan ini selaras dengan ketetapan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2007.
(Garis Panduan Pemakaian Pakaian Kokurikulum di Hari Persekolahan dan Perhimpunan Bulanan Kokurikulum)

13. PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM

13.1 Dalam usaha untuk memartabatkan kokurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu telah mewajibkan semua murid di Terengganu (Kecuali murid tahap 1 sekolah rendah) memakai uniform lengkap Pasukan Badan Beruniform masing-masing pada hari Selasa setiap minggu

13.2 Sehubungan dengan itu, semua pentadbir dan guru di sekolah digalakkan memakai uniform Pasukan Badan Beruniform pada hari yang sama, sesuai dengan fungsi mereka sebagai Pentadbir Sekolah atau Guru Penasihat.

13.3 Semua pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Pejabat Pelajaran Daerah juga digalakkan memakai uniform pada hari Selasa.

14. PENILAIAN KOKURIKULUM

14.1 Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan Kebangsaan, maka gerak kerja dan aktiviti kokurikulum juga wajib dinilai.

14.2 Penilaian ini selari dengan pelaksanaan Dasar Pengiraan Markah 10% Kokurikulum untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi.

14.3 **Pensijilan**

14.3.1 Setiap tahun sekolah mesti menyediakan dan memberi sijil pencapaian kokurikulum kepada semua murid terlibat bagi setiap tahap persekolahan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Hal ini bertujuan sebagai rekod pencapaian murid untuk melicinkan proses penilaian kokurikulum bagi murid-murid yang berpindah sekolah (Keperluan SBP, MRSM, SMT dan Tingkatan 6).

14.4 Semua sekolah dikehendaki merujuk Buku Panduan Penilaian Kokurikulum Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007 sebagai rujukan Pelaksanaan Penilaian Markah Kokurikulum.

15. KELULUSAN PELAKSANAAN AKTIVITI

15.1 Kelulusan pelaksanaan aktiviti bergantung pada tahap aktiviti dan penganjur

15.1.1 **Aktiviti anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia** berdasarkan surat punca kuasa daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

15.1.2 **Aktiviti anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu** berdasarkan surat punca kuasa daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

15.1.3 **Aktiviti anjuran Pejabat Pelajaran Daerah berdasarkan** surat punca kuasa daripada Pejabat Pelajaran Daerah berkenaan.

15.1.4 **Aktiviti Anjuran Sekolah**

15.1.4.1 Bagi aktiviti anjuran sekolah yang dilaksanakan di dalam negeri, hendaklah mendapat kelulusan Pengetua atau Guru Besar sekolah berkenaan. Dalam meluluskan aktiviti yang akan dilaksanakan, Pengetua atau Guru Besar hendaklah memastikan bahawa semua syarat pelaksanaan aktiviti seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuatkuasa telah dipatuhi. Antaranya dari segi kewangan, keselamatan murid, pelantikan guru pengiring dan sebagainya.

15.1.4.2 Bagi aktiviti air atau berisiko, pihak sekolah mesti memastikan jurulatih yang berkelayakan dilantik dan bersama dengan murid dalam aktiviti tersebut sepanjang masa semasa aktiviti berjalan.

15.1.4.3 Semua aktiviti melibatkan aktiviti air atau aktiviti berisiko tinggi, walaupun pelaksanaannya di peringkat sekolah, pihak sekolah mesti mendapat kelulusan daripada Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu.

15.1.4.4 Bagi aktiviti di luar negeri Terengganu, pihak sekolah hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu dengan mengisi Borang Pelancongan Sekolah 1957 (Borang 127) melalui Unit Perhubungan, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. (Tertakluk kepada perubahan semasa)

15.1.4.5 Pengetua atau Guru Besar boleh membenarkan lawatan Pendidikan Murid secara terancang pada hari persekolahan.
(Surat Pekelilig Ikhtisas Bil. 12/2000 bertarikh 28 Julai 2000)
(Surat Pekelilig Ikhtisas Bil. 5/20002 bertarikh 1 Ogos 2002)

15.1.5 **Aktiviti anjuran bersama Agensi Luar**

15.1.5.1 Bagi aktiviti bersama antara Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu atau Pejabat Pelajaran Daerah dengan agensi, mesti mendapat surat/ punca kuasa daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu atau Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing.

15.1.5.2 Bagi aktiviti agensi bersama sekolah sahaja dan pelaksanaan aktviti di luar kawasan sekolah, pihak sekolah hendaklah memohon kebenaran atau memaklumkan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu atau Pejabat Pelajaran Daerah untuk mendapatkan kelulusan.

15.1.5.3 Bagi aktiviti agensi bersama sekolah dan aktiviti berjalan di kawasan sekolah, Pengetua atau Guru Besar bertangungjawab membuat pertimbangan untuk meluluskannya. Kelulusan hendaklah tidak bercanggah dengan Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuatkuasa.
(Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 bertarikh 5 Februari 2010)

16. KESELAMATAN MURID SEMASA PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM

16.1 Dalam semua aktiviti kokurikulum yang dirancang dan dilaksanakan, aspek keselamatan murid hendaklah diberi keutamaan oleh semua pihak.

16.2 Pengetua atau Guru Besar, sebelum meluluskan sebarang aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di peringkat sekolah, hendaklah memastikan aspek keselamatan murid dan langkah-langkah perlu telah diambil kira. ***(Surat Pekelilig Ikhtisas Bil. 9/2000 bertarikh 20 Mac 2000)***

17. PENUBUHAN / KEAHLIAN UNIT KOKURIKULUM

17.1 Unit-Unit Dalaman Sekolah

17.1.1 Penubuhan Unit-unit kokurikulum di peringkat sekolah sama ada persatuan dan kelab, pasukan badan beruniform atau sukan dan permainan diluluskan oleh Pengetua atau Guru Besar sebagai Penolong Pendaftar di sekolah.

17.1.2 Perlembagaan dan peraturan persatuan sekolah hendaklah diluluskan oleh Guru Besar atau Pengetua. Bagi Pasukan Badan Beruniform Agensi Bukan Kerajaan (NGO), selepas ditubuhkan di peringkat sekolah, pihak sekolah mesti mendaftarkan unit tersebut dan ahlinya dengan Badan Gabungan Induk.

17.1.3 Keanggotaan dan keahlian dengan Badan Gabungan Induk mestilah diperbaharui setiap tahun

17.2 Pasukan Badan Beruniform Agensi Kerajaan (GO)

17.2.1 Pasukan Badan Beruniform yang ditubuhkan mestilah agensi kerajaan yang telah diluluskan oleh Bahagian Kokurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

17.2.2 Pihak sekolah perlu membuat permohonan melalui Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan kemudian dipanjangkan kepada badan gabungan di peringkat negeri dan kemudian dipanjangkan pada gabungan pusat (Rujuk peraturan penubuhan GO).

17.2.3 Pihak sekolah hanya boleh menubuhkan dan melaksanakan aktiviti GO berkenaan di sekolah berkenaan setelah penubuhan diluluskan oleh badan induk GO tersebut.

17.2.4 Pihak sekolah, pada setiap tahun hendaklah memastikan keahlian baru didaftarkan mengikut platun yang diluluskan (Penggantian ahli yang telah tamat sekolah). Pendaftaran mesti dilaksanakan selewat-lewatnya penghujung bulan Februari TAHUN SEMASA)

18. KEWANGAN KOKURIKULUM

Sebagai usaha untuk menyemarakkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di semua peringkat, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan peruntukan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran daerah dan Sekolah. Peruntukan ini dinamakan Bantuan Kokurikulum.

18.1 Peruntukan kewangan kokurikulum di sekolah berpandukan peruntukan Bantuan Kokurikulum daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kadar yang ditetapkan.

18.2 Peruntukan ini hanya untuk aktiviti pasukan badan beruniform dan persatuan dan kelab. Peruntukan kelab sukan dan permainan merujuk kepada peruntukan sukan. **(Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8/2010)**

18.3 Peruntukan ini boleh digunakan untuk membiayai aktiviti di peringkat sekolah dan membiayai pasukan sekolah yang menyertai aktiviti anjuran Pejabat Pelajaran Daerah atau Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun hak setiap murid mesti diambil kira dalam membelanjakan peruntukaan kewangan ini. Kadar perbelanjaan peruntukan kewangan merujuk kepada Surat Pekeliling Kewangan Bil. 2/2011 bertarikh 22 Julai 2011.

18.4 Pihak sekolah dikehendaki merancang penggunaan peruntukan ini untuk tempoh setahun dan mengambil kira penglibatan semua murid di sekolah melalui peruntukan yang diagihkan melalui persatuan yang dianggotai oleh semua murid.

18.5 Pihak sekolah juga diminta menggunakan peruntukan Bantuan Kokurikulum tidak melebihi 10% untuk aktiviti lawatan sekolah.

18.6 Pihak sekolah juga diminta tidak menggunakan peruntukan untuk membiayai pemberian Wang Saku Murid ke mana-mana peringkat penglibatan murid sekolah berkenaan. Pemberian wang saku hendaklah diambil daripada Kumpulan Wang Suwa Sekolah.

18.7 Pihak sekolah diminta tidak menggunakan peruntukan Bantuan Kokurikulum untuk tujuan membayar keahlian Persatuan sekolah dengan Badan Gabungan. Sekiranya pihak sekolah terpaksa menggunakan sumber wang sekolah, hendaklah menggunakan Kumpulan Wang Suwa Sekolah.

(Keputusan Mesyuarat antara Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dengan Bahagian Audit Sekolah Negeri Terengganu pada 7 Ogos 2011, bertempat di Bilik Mesyuarat Anjung Ilmu, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu).

18.8 Selain itu, pihak sekolah boleh menggunakan Wang SUWA sekolah untuk membiayai aktiviti kokurikulum.

18.9 Akaun bagi setiap Persatuan atau Pasukan badan Beruniform di sekolah hendaklah di bawah kawalan Guru Besar atau Pengetua atau Guru Penasihat.
Peraturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU (A)

18.10 Peruntukan Bantuan Kokurikulum di semua peringkat hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia pada setiap akhir tahun semasa. Pelaporan hendaklah menggunakan borang yang diedarkan. Pelaporan meliputi jumlah penerimaan bantuan, jumlah perbelanjaan dan laporan impak.

19. YURAN KOKURIKULUM

19.1 Yuran keahlian setiap murid bergantung pada peruntukan yang ditetapkan dalam perlembagaan kelab/ pasukan masing-masing.

19.2 Bagi Pasukan Badan Beruniform Agensi Bukan Kerajaan (NGO), pihak sekolah mesti membayar yuran (semua ahli dan pasukan) kepada ahli gabungan setiap tahun seperti yang ditetapkan.

20. PEMANTAUAN

20.1 Untuk memastikan pelaksanaan gerak kerja dan aktiviti kokurikulum dilaksanakan, pemantauan perlu dilaksanakan di semua peringkat pelaksanaan .

20.2 Di peringkat sekolah, pengetua/guru besar perlu menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kokurikulum Sekolah.

20.3 Instrumen dan jadual pemantauan hendaklah disediakan sebagai panduan pemantauan.

Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu
Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
20604 Kuala Terengganu